

UMP dapat 8 pingat dalam penyelidikan Bio

KUANTAN: Kejayaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) merangkul lapan pingat termasuk dua emas dalam Pertandingan Penyelidikan Bio Malaysia 2008, baru-baru ini membuktikan kehebatan dan kemampuan penyelidik UMP dalam bidang bioteknologi.

UMP yang menghantar lapan projek penyelidikan berdasarkan bioteknologi dalam pertandingan selama tiga hari bermula 7 hingga 9 Oktober lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur berjaya merangkul dua pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

UMP, Prof Dr Rosli Mohd Yunus, berkata kejayaan yang dicapai UMP sememangnya bermakna memandangkan dua daripada 18 pingat emas yang dipertandingkan dirangkul UMP.

Beliau berkata, kajian penyelidikan dan kerja keras penyelidik UMP yang sentiasa menekankan 'penyelidikan guna' , keperluan industri dan masyarakat ternyata membuahkan hasil.

"Justeru, kemenangan ini diharap mampu meningkatkan tahap kualiti pembangunan dan penyelidikan serta kapasiti pengkomersialan di UMP bagi menarik pelabur dalam dan luar negara menyalurkan modal untuk setiap

program atau penyelidikan yang dibuat.

"Kejayaan UMP melalui hasil kerja keras penyelidik termasuk yang sudah dikomersialkan menunjukkan tahap pencapaian pembangunan bioteknologi negara semakin membanggakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai kejayaan penyelidik UMP dalam pertandingan berkenaan, di sini semalam.

Dr Rosli berkata, kejayaan dan penyelidikan bermutu dapat dibangunkan ahli akademik dan cendekiawan ke arah membangunkan bidang bioteknologi yang diya kini mampu menjana lebih

pendapatan kepada negara.

Beliau berkata, kejayaan memenangi empat hadiah utama itu juga menjadi pencapaian julung kali diterima penyelidik UMP sejak penubuhan universiti yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Kuktem).

"Saya berharap kejayaan ini juga menjadi pemangkin serta contoh kepada penyelidik dan pelajar UMP untuk meneruskan kecemerlangan kajian pada masa akan datang," katanya.

Pingat emas diraih penyelidik Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Abdul Syukur Abdul

Razak melalui kajian bertajuk 'The Potential Of Empty Fruit Bunch (EFB) as Natural Raw Material for Artificial Bait of Subterranean Termites; PISOPTERA'.

Malah difahamkan, melalui projek sama, Abdul Syukur turut memenangi anugerah Paling Inovatif dengan membawa pulang wang tunai RM3,000 termasuk trofi yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Satu lagi pingat emas dipeoleh Dr Hayder A Abdul Bari melalui projek bertajuk 'Formulation of New Natural Organic Drag Reducing Agent By Combining Chitosan dan Okra Mucilage'.